

23 MAR 2003

Mahathir-Iraq

PERANG IRAQ: KEBIMBANGAN MALAYSIA JADI KENYATAAN, KATA DR M

SEPANG, 23 Mac (Bernama) -- Kebimbangan Malaysia terhadap kesan buruk peperangan semakin menjadi kenyataan apabila serangan Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya Britain terhadap Iraq kini lebih banyak memusnahkan dan mencederakan orang awam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Ini yang kita khawatiri dan kita takut. Dari mulapun kita dah kata kalau ada peperangan yang jadi mangsa ialah orang awam, kanak-kanak, orang tua, wanita yang tidak ada kaitan sama sekali dengan peperangan, mereka yang akan jadi mangsa," kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas laporan bahawa kebanyakan serangan tentera bersekutu lebih banyak mengenai sasaran awam berbanding tentera.

Beliau berkata kerana itulah Malaysia sejak awal lagi telah menentang penyelesaian sebarang perselisihan antara negara-negara melalui peperangan.

Dr Mahathir berkata demikian kepada wartawan selepas menyaksikan Perlumbaan Formula 1 di Litar F1 Sepang, di sini.

Menteri Penerangan Iraq Mohammed Saeed Al-Sahaf dalam sidang akhbar sejurus selepas pengeboman di Baghdad pada Jumaat lepas dilaporkan sebagai berkata hampir 250 orang awam dikawatiri cedera ketika Baghdad dibom dalam serangan udara besar-besaran tentera bersekutu yang bermula sejak Khamis lepas.

Kepada soalan mengenai percanggahan dalam laporan CNN dan CNBC mengenai perang itu, dan mereka dikatakan tidak memberikan gambaran sebenar akan apa yang berlaku di Iraq, Dr Mahathir berkata: "Yang benar akhirnya akan diketahui juga dan kita akan mengetahui siapa yang berbohong."

Sebuah akhbar tempatan hari ini dalam satu ruangan yang memantau laporan media Barat itu melaporkan CNN dalam siaran 24 jamnya lebih memfokuskan kepada strategi perang Amerika dan sekutunya berbanding laporan mengenai kemanusiaan seperti kesan perang itu terhadap rakyat Iraq.

Semalam, Timbalan Menteri Penerangan Senator Datuk Zainuddin Maidin meminta orang ramai agar menggunakan budibicara sendiri dan berfikiran kritis semasa menonton laporan media Barat itu yang disiarkan menerusi RTM.

-- BERNAMA

HS NM PR